

Tulis puisi atas kertas resit

BARANGKALI darah seni ibunya yang pandai bermain menora dan wayang kulit Siam mengalir dalam diri Lim Swee Tin, apabila beliau juga mampu mengubah lirik lagu serta pandai melukis.

Sejak kecil juga beliau telah mengambil upah membuat wau dengan upah sekitar 30 sen hingga 50 sen sekeping wau.

Namun, jiwa seni beliau lebih terserlah dalam dunia penulisan dan sastera. Selain cerpen, jiwanya juga sangat dekat dengan penulisan pantun dan sajak, malah ruangan kosong di helaihan majalah, buku mahupun suratkhbar sering menjadi 'kanvas' buat beliau mengilhamkan barisan puisinya.

Gemar menggunakan metafora keindahan alam semula jadi, isu-isu semasa, serta kisah-kisah kemanusiaan sejagat sebagai 'lakaran' nukilannya, Swee Tin memberitahu, beliau tidak ada waktu yang khusus untuk menulis, sama ada di tengah-tengah kebisingan mahupun suasana sunyi.

"Saya tidak boleh menulis pada kertas kosong kerana fikiran saya juga akan menjadi kosong, tetapi jika ruang kosong pada sebarang kertas terpakai, ilham saya mencurah-curah.

"Peliknya, saya juga suka menulis sajak di bahagian belakang resit membeli-belah kerana bayang-bayang warna resit yang kelihatan samar-samar itu cukup memberi inspirasi kepada saya," jelasnya sambil tertawa.

Mengakhiri perbualan, Swee Tin sempat meminta saya mengingatkan pembaca, dalam mewujudkan jalinan yang baik di antara kaum, rakyat negara ini perlu mempunyai jiwa dan hati yang bersih serta ikhlas menerima sesama kaum.

"Saya berketurunan Cina, tetapi saya sangat sukakan budaya dan bahasa Melayu. Setiap kali berlaku perselisihan faham atau pendapat dalam kalangan dua kaum ini, sebagai aktivis bahasa dan budaya, hati saya berasa sakit dan sedih. Prasangka mewujudkan jurang sesama kaum. Justeru, budaya hormat-menghormati perlu ada dalam setiap diri rakyat negara ini," katanya.

Sebati dengan Melayu

Lim Swee Tin bangga memartabatkan bahasa Melayu

HASSAN gemar makan nasi kerabu, gulai lemak putih, nasi dagang dan sudah tentunya ikan singgang cich budu yang dimakan dengan nasi panas dan ulam-ulaman. Makannya juga akan bertambah apabila menggunakan tangan.

Bahasa Melayunya lancar langsung tiada pelat, malah dialek Kelantan begitu fasih dituturkan, sama ada di rumah, sekolah mahupun ketika berada di tengah-tengah orang ramai.

Mungkin bukan sesuatu yang pelik jika dia anak Melayu jati, tetapi Hassan yang sedang diperkatakan ini adalah anak Cina.

Bapanya, Lim Swee Poh, suku Hokkien berasal dari Chou An, Fujien, China, manakala ibunya Khe Utt Eh Di, berketurunan Siam yang menetap di Bachok, Kelantan, sejak beberapa generasi lalu.

Hassan atau nama sebenarnya, **Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin** merupakan bekas Pensyarah Kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Namun, beliau lebih popular melalui puisi-puisi puitisnya yang dikarang dalam bahasa Melayu.

Dilahirkan pada 26 September 1952, Swee

popular ternama

Oleh **SITI AIRUNNISA ALAUI**
airunnisa.alau@utusan.com.my



Tin dibesarkan di negeri Cik Siti Wan Kembang dalam kalangan masyarakat Melayu. Malah ayahnya juga dipanggil Yusof kerana keakraban mereka sekeluarga dengan penduduk kampung.

Beliau sering menghabiskan masa bersama teman sepermainan yang kebanyakannya berketurunan Melayu. Orang pertama yang mengajarnya menulis dan membaca adalah kakak angkatnya, Bidoh Jusoh atau panggilan mesranya 'Mek', yang masih rapat dengannya sehingga ke hari ini.

"Semasa kecil, saya ada kawan Cina yang nama dia seakan-akan bunyi Hussin. Mungkin disebabkan mudah untuk ingat, orang kampung panggil dia Hussin dan saya pula dipanggil Hassan.

Secara kebetulan, ayah saya juga dipanggil dengan nama Melayu.

"Oleh kerana saya bergaul dengan orang Melayu dan selalu makan di rumah kakak angkat, saya jadi biasa dengan budaya dan kehidupan orang Melayu," katanya memulakan bicara.

Sejak kecil, beliau juga sudah terbiasa dengan buku-buku bahasa Melayu kerana ayahnya sering membeli buku-buku tersebut, yang ketika itu harganya cuma sekitar 5 sen hingga 10 sen.

Ayahnya akan membaca buku-buku tersebut di depan anak-anak termasuk buku sejarah Melayu, yang

Semasa kecil, saya ada kawan Cina yang nama dia seakan-akan bunyi Hussin. Mungkin disebabkan mudah untuk ingat, orang kampung panggil dia Hussin dan saya pula dipanggil Hassan. Secara kebetulan, ayah saya juga dipanggil dengan nama Melayu."

menjadi titik tolak beliau jatuh hati pada keindahan bahasa Melayu.

Sejak berusia 12 tahun lagi, Swee Tin mula menunjukkan minat dalam puisi-puisi Melayu apabila gemar menulis pantun, sajak dan cerpen. Menariknya, di sekolah beliau sering menjadi rujukan murid-murid Melayu dalam penulisan karangan, puisi dan tatabahasa.

Pada awalnya beliau tidak yakin dengan kebolehannya menghasilkan puisi dalam bahasa Melayu. Namun, sebaik hasil-hasil karyanya mula disiarkan di dada majalah dan akhbar seperti *Utusan Zaman*, *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Sastera* dan sebagainya, beliau menjadi lebih yakin untuk terus berkarya.

Kehebatannya mula terserlah apabila karya-karyanya mendapat penghargaan dalam acara-acara besar, antaranya Hadiah Penghargaan Anugerah Puisiputra 11 (1983), Hadiah Sastera Utusan - Publik Bank (1986, 1989, 1990, 1992, 1994, 1999), Hadiah Sastera Malaysia, Hadiah Cerpen Maybank - Dewan Bahasa Pustaka ke-111, Hadiah Kedua Peraduan Mengarang Cerpen (1990), Hadiah Puisi Kebangsaan ESSO - GAPENA (1989), Hadiah Puisi Bosnia - PENA, *Berita Harian*, *Utusan Melayu* (1994) dan banyak lagi.

Gambar MOHD. NAJIB MOHD. NOR

LIM SWEE TIN masih aktif menghasilkan karya-karya sastera.



Miskin tidak halang gapai impian

DIBERI kesempatan bertemu sasterawan tersohor berusia 63 tahun ini dan isterinya, Selian S.F Lee, 59, di rumah mereka yang terletak di Seri Kembangan, Selangor baru-baru ini, memang cukup mengujakan.

Terkesima mendengar bahasa Melayunya yang tersusun indah, diucap satu persatu dalam nada amat sopan dan lembut. Sebahagian besar perbualan kami juga diselangi dialek Kelantan yang pekat.

Beliau yang tidak lekang dengan senyuman sentiasa memuji keindahan dan kesantunan bahasa Melayu.

Bapa kepada tiga orang anak itu mengakui, bahasa dan budaya orang Melayu sangat sehati dengan keluarganya. Dari kecil lagi anak-anak sudah dibiasakan dengan bahasa Melayu dan dialek Kelantan, sehinggakan mereka berasa kekok bergaul dengan masyarakat Cina kerana tidak mahir bertutur dalam bahasa ibunda sendiri.

Menyingkap kehidupan ketika zaman kanak-kanak dan remajanya, beliau dibesarkan dalam serba kekurangan terutama selepas kejadian kedai menjual hasil laut bapanya musnah akibat di hanyut ombak besar.

Bermula daripada tragedi itu, kehidupan mereka sekeluarga mula menjadi begitu sukar sehinggakan beliau tidak dapat menyambung pelajar selepas tamat tingkatan enam.

Swee Tin nekad membantu ibu dan bapanya membesarkan serta menyekolahkan adik-adiknya, biarpun jauh di sudut hatinya sendiri melonjak-



LIM SWEE TIN dan Selian S.F Lee menunjukkan gambar perkahwinan mereka yang tersimpan rapi di dalam album keluarga.

lonjak mahu menyambung pengajian ke universiti.

“Saya sangat suka ke sekolah dan bercita-cita tinggi untuk sambung pelajaran di universiti. Saya pernah menjual suratkhbar dan menjadi guru tuisyen semata-mata hendak cari duit sampingan.

“Saya masih ingat lagi, ketika di sekolah menengah saya hanya bawa

wang saku cukup-cukup untuk tambang bas dari rumah ke sekolah yang jauhnya kira-kira 50 kilometer.

“Wang saku saya tidak cukup untuk membeli makanan dan setiap hari hanya akan makan setibanya di rumah pada pukul 3 petang. Jika rumah saya tiada lauk, saya akan ke rumah jiran-jiran yang saya sudah anggap seperti keluarga.

“Sampai satu peringkat duit saku untuk tambang bas juga tidak cukup. Itulah saat paling menyedihkan apabila saya terpaksa berhenti sekolah dan perlu keluar bekerja untuk keluarga.

“Oleh kerana keputusan peperiksaan saya agak baik, saya diterima menjadi guru di sebuah sekolah dan gaji saya ketika itu semuanya diperuntukkan untuk menyara keluarga,” ujarnya sambil terkenang pengalaman membaca buku dengan berlampukan cahaya bulan apabila bekalan elektrik rumahnya dipotong kerana gagal membayar bil.

Keinginan yang kuat dalam diri Swee Tin untuk menyambung pelajaran tidak pernah padam.

Impian yang dipendam selama 15 tahun itu akhirnya terungkap apabila beliau bergelar siswazah pada usia 35 tahun.

Kecintaan yang menebal terhadap bahasa dan sastera Melayu mendorong beliau mengambil jurusan Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama dan minor Kesusasteraan Melayu di Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia - UPM) pada 1988.

“Walaupun impian saya untuk sambung pelajaran pernah terbantut, saya tetap memelihara impian untuk bergelar penuntut universiti dan impian itu tercapai. Saya rasa impian saya dimakbulkan kerana sebelum ini saya telah membantu keluarga saya untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

“Saya amat berbangga kerana menjadi salah seorang rakyat yang memperjuangkan bahasa Melayu kerana budaya Melayu adalah sebahagian kehidupan silam saya dan mengembalikan saya kepada kenangan ketika susah dahulu,” jelasnya.

TRIVIA

Sehingga kini beliau masih dikenali sebagai Hassan jika pulang ke Kelantan

Pernah menjadi guru sambilan ketika berusia 15 tahun dengan upah RM3 sebulan

Penerima Anugerah Kesasterawan Asia Tenggara S.E.A Write Award 2000 di Bangkok, Thailand

Panel Sayembara Novel Fiksyen Sains dan Teknologi Universiti Teknologi Malaysia (UTM)-Kumpulan Utusan

Pantun pertama dikarang ketika berusia 11 tahun

Isteri pandai menyediakan masakan Kelantan seperti Nasi Kerabu dan Nasi Dagang

PASANGAN bahagia yang sama-sama mewarnai dunia sastera tanah air.

